

**SOALAN-SOALAN LISAN
MESYUARAT KEDUA TAHUN KEEMPAT
DEWAN NEGERI YANG KELIMA BELAS PERAK DARUL RIDZUAN**

**PERSIDANGAN PERTAMA
8 SEPTEMBER 2026 (SELASA)**

1. YB PUAN THULSI THIVANI A/P MANOGARAN (BUNTONG)

Projek pembangunan Ipoh Sentral adalah projek berorientasikan transit yang telah diumumkan pada tahun 2025 dan merupakan satu projek bernilai RM6.25 billion. Projek ini menggabungkan hab pengangkutan moden, ruang kediaman, dan ruang komersial untuk memacu ekonomi negeri Perak. Apakah impak langsung projek pembangunan ini kepada kawasan Dewan Undangan Negeri Buntong serta apakah pembangunan yang dapat dilihat oleh rakyat Buntong menerusi projek pembangunan ini di daerah Kinta?

2. YB ENCIK NGA KOR MING (KEPAYANG)

Tahun Melawat Malaysia 2027

Minta YAB Menteri Besar Perak menjawab memandangkan sektor pelancongan kini menjadi sumber pendapatan kedua terbesar negara, apakah rancangan dan langkah-langkah yang bakal diambil oleh Kerajaan Negeri untuk membuat persiapan menyambut Tahun Melawat Malaysia 2027?

3. YB ENCIK MOHAMAD AMIN BIN ROSLAN (PENGKALAN HULU)

BEKALAN AIR BERSIH

Apakah status terkini usaha Kerajaan Negeri dalam memastikan bekalan air bersih yang konsisten, mencukupi dan berkualiti, khususnya di kawasan luar bandar dan pedalaman yang sering mengalami gangguan bekalan berapakah jumlah aduan gangguan bekalan air yang direkodkan bagi tahun 2025 dan 2026, serta apakah langkah jangka pendek dan jangka panjang yang telah dilaksanakan bagi menyelesaikan masalah ini, khususnya di kawasan DUN Pengkalan Hulu?

4. YB PUAN WONG CHAI YI (SIMPANG PULAI)

SEKURITI MAKANAN

(a) Apakah strategi dan kemajuan terkini Pelan Sekuriti Makanan Negeri Perak dalam menjadikan Perak sebagai hab pengeluaran makanan utama, khususnya pemanfaatan teknologi pertanian moden (Smart Farming) di kawasan Lembah Kinta dan

(b) Sejauh manakah Kerajaan Negeri membantu pengusaha tani tempatan meningkatkan produktiviti hasil tanaman serta mengatasi isu kenaikan kos baja dan racun?

5. YB DATO' SHAHRUL ZAMAN BIN YAHYA (RUNGKUP)

Apakah kriteria dan keperluan yang ditetapkan bagi pembinaan sebuah hospital kerajaan di sesebuah daerah. Berdasarkan kriteria tersebut, adakah Daerah Bagan Datuk telah memenuhi keperluan untuk dipertimbangkan bagi pembinaan sebuah hospital sendiri, dan sekiranya layak, apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk mengemukakan serta memperjuangkan cadangan tersebut kepada Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Kesihatan Malaysia?

6. YB DR NAJIHATUSSALEHAH BINTI AHMAD (BOTA)

PROJEK TERBENGKALAI

Projek perumahan terbengkalai terus memberi kesan kepada pembeli rumah dan memerlukan tindakan yang berkesan bagi mempercepatkan pemulihan serta mencegah kejadian berulang.

- a) Apakah status terkini projek sakit dan projek terbengkalai di Negeri Perak serta pencapaian usaha pemulihan setakat ini?
- b) Apakah pendekatan yang diambil oleh Kerajaan Negeri bagi mempercepatkan pemulihan projek-projek tersebut?
- c) Apakah langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri bagi mengenal pasti projek yang berisiko lebih awal dan mengelakkannya daripada menjadi projek terbengkalai?

7. YB ENCIK MOHAMAD HUSAIRI BIN ARIFFIN (KENERING)

Mohon YAB Menteri Besar menyatakan apakah punca sebenar kejadian air Sungai Perak dikawasan Jambatan Air Ganda Hulu Perak yang bertukar warna biru pada awal bulan julai baru-baru ini, apakah hasil siasatan yang telah dijalankan termasuk status mengenal pasti sumber pencemaran dan pihak yang bertanggungjawab, apakah keputusan analisis kualiti air serta tahap risiko terhadap kesihatan awam, hidupan akuatik dan alam sekitar, dan apakah tindakan segera, penguatkuasaan serta langkah jangka pendek dan jangka panjang yang telah dan akan diambil oleh Kerajaan Negeri bagi memastikan pencemaran ini ditangani secara menyeluruh, mengelakkan kejadian seumpamanya daripada berulang serta menjamin keselamatan sumber air di Negeri Perak?

8. YB PUAN WONG MAY ING (PANTAI REMIS)

Pelaburan di Negeri Perak

Berapakah jumlah pelaburan domestik dan asing yang telah direalisasikan di Negeri Perak bagi setiap tahun mulai tahun 2024 hingga kini, termasuk jumlah projek dan nilai pelaburan bagi setiap tahun? Mohon Kerajaan Negeri turut

menyatakan pecahan mengikut daerah dan sektor, iaitu pertanian, perindustrian, peruncitan dan perkhidmatan, serta jumlah dan nilai pelaburan domestik dan asing bagi setiap kategori tersebut.

9. YB ENCIK MUHAMMAD ZULFADLI BIN ZAINAL (SLIM)

MENJANA PENDAPATAN SURU RUMAH

Apakah langkah Kerajaan Negeri dalam membantu golongan suru rumah untuk menjana pendapatan sampingan melalui latihan kemahiran, perniagaan dari rumah, ekonomi digital serta pemasaran produk tempatan?

1. Adakah Kerajaan akan menyediakan program latihan secara berkala di setiap Daerah?
2. Adakah Kerajaan boleh nyatakan plan tindakan dalam membantu peserta ?

10. YB ENCIK ZAFARULAZHAN BIN ZAN (KAMPONG GAJAH)

Apakah pelan tindakan komprehensif Kerajaan Negeri bersama MCMC dan syarikat penyedia perkhidmatan telekomunikasi bagi memastikan semua kawasan luar bandar di Negeri Perak menikmati liputan internet mudah alih (4G dan 5G) yang stabil dan berkualiti, termasuk sasaran penghapusan kawasan 'blind spot', pembinaan menara baharu, peningkatan kapasiti rangkaian sedia ada serta mekanisme pemantauan prestasi penyedia perkhidmatan?

11. YB YB DR MOHAMAD YUSRI BIN BAKIR (AYER KUNING)

Pelaksanaan Mitigasi Hakisan Tebing Sungai Batang Padang Yang Meningkatkan Risiko Banjir Kilat di Kawasan Penempatan Berhampiran Sungai.

1. Berapakah jumlah lokasi kritikal hakisan tebing Sungai Batang Padang yang masih belum menerima kerja pemulihan?
2. Apakah faktor kelewatan pelaksanaan kerja pemulihan di lokasi kritikal hakisan tebing Sungai Batang Padang?
3. Bilakah semua lokasi kritikal hakisan tebing Sungai Batang Padang dijangka menerima penyelesaian fizikal?

12. YB ENCIK RAHIM BIN ISMAIL (CHANGKAT JERING)

Bagaimanakah kerajaan memastikan pembangunan yang dirancang di bawah Rancangan Struktur Negeri (RSN) dapat dinikmati secara seimbang oleh semua daerah termasuk kawasan luar bandar, selaras dengan aspirasi Perak Sejahtera 2030 untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat?

13. YB ENCIK BERHANUDIN BIN AHMAD (MANONG)

Aplikasi digital membawa banyak kebaikan kepada masyarakat. Ia membantu dalam urusan harian, pendidikan dan perkhidmatan. Sistem aplikasi Park@Perak telah lama diperkenalkan.

- (a) Berapakah jumlah pengguna berdaftar dan transaksi yang telah direkodkan melalui Sistem Park@Perak sejak ia diperkenalkan?
- (b) Apakah langkah yang telah diambil bagi mengatasi aduan pengguna seperti kegagalan pembayaran, masalah teknikal aplikasi, pengeluaran kompaun walaupun bayaran telah dibuat, serta isu capaian sistem?

14. YB PUAN WASANTHEE A/P SINNASAMY (HUTAN MELINTANG)

Pemeliharaan Warisan Budaya

Apakah langkah yang telah dan akan diambil oleh Kerajaan Negeri bagi memelihara serta mempromosikan warisan budaya Negeri Perak, termasuk warisan ketara dan tidak ketara, agar tidak pupus ditelan arus pembangunan?

Berapakah jumlah peruntukan yang disediakan bagi program pemuliharaan warisan budaya pada tahun 2026?

15. YB PUAN NORHASLINDA BINTI ZAKARIA (PANGKOR)

Apakah pendirian dan komitmen Kerajaan Negeri Perak dalam menangani peningkatan isu kesihatan mental dalam kalangan wanita, khususnya golongan ibu, ibu tunggal, suri rumah dan wanita bekerja, serta apakah dasar dan tindakan menyeluruh yang sedang dilaksanakan bagi memastikan mereka mendapat akses kepada sokongan psikologi yang berkesan?

Berapa jumlah wanita di Perak yang telah mendapatkan rawatan atau kaunseling berkaitan kesihatan mental dalam tempoh tiga tahun kebelakangan ini, dan apakah trend peningkatannya?

16. YB ENCIK RAHIM BIN ISMAIL (CHANGKAT JERING)

Apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh Kerajaan Negeri bagi mengatasi isu lambakan buah-buahan tempatan ketika musim puncak, termasuk memperkukuh rangkaian pemasaran, menyediakan kemudahan penyimpanan sejuk, menggalakkan industri pemprosesan hiliran, serta membantu pekebun mendapatkan harga yang lebih stabil?

17. YB PUAN THULSI THIVANI A/P MANOGARAN (BUNTONG)

Baru-baru ini Buntong dikejutkan dengan satu insiden yang menyaYat hati rakyat. Insiden kematian dua orang pelajar Tingkatan 2 SMK Tarcissian Convent . Insiden ini berlaku pada 24 Julai 2026 di perkarangan bangunan terbiar Flat Sungai Pari.

Flat ini telah pun terbiar selama lebih 12 tahun dan flat ini merentasi kawasan seluas 10 ekar. Apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh pihak kerajaan negeri terutama Lembaga Perumahan dan Hartanah Perak, Majlis Bandaraya Ipoh serta lain-lain agensi berkaitan untuk meningkatkan sekuriti serta aspek keselamatan kawasan tersebut supaya insiden seperti ini tidak berulang dimana akses masuk ke kawasan terbiar ini boleh disekat dengan serta-merta.

18. YB DR HASHIM BIN BUJANG (BUKIT CHANDAN)

Minta YB Pengerusi Jawatankuasa Sains, Alam Sekitar dan Teknologi Hijau menyatakan status terkini pencemaran Sungai Perak di kawasan Hulu Perak yang dipercayai berpunca daripada aktiviti perlombongan sehingga mengakibatkan kematian ikan, termasuk penilaian Kerajaan Negeri terhadap risiko pencemaran tersebut merebak ke kawasan hilir Sungai Perak, khususnya di daerah Kuala Kangsar, serta langkah-langkah mitigasi yang telah dan akan diambil bagi melindungi kualiti air dan ekosistem sungai.

19. YB ENCIK MOHAMAD AMIN BIN ROSLAN (PENGKALAN HULU)

PUSAT ASPIRASI ANAK PERAK (PASAK)

Sejauh manakah keberkesanan Pusat Aspirasi Anak Perak (PASAK) dalam mendaftarkan, membimbing dan memadankan belia anak Perak dengan peluang pekerjaan berkemahiran tinggi (high-skilled jobs) berapakah jumlah belia yang telah didaftarkan dan berjaya ditempatkan dalam pekerjaan berkemahiran tinggi bagi tahun 2025 dan 2026, serta apakah insentif khusus yang disediakan oleh Kerajaan Negeri bagi menggalakkan belia yang kini terlibat dalam ekonomi gig seperti pemandu e-hailing dan penunggang p-hailing mengikuti latihan kemahiran semula (reskilling) dan peningkatan kemahiran (upskilling) melalui TVET?

20. YB ENCIK ROSLI BIN ABD RAHMAN (PASIR PANJANG)

Pembangunan perumahan di DUN Pasir Panjang, khususnya di Lekir dan Sri Manjung, berkembang pesat sehingga menyebabkan pertambahan penduduk yang ketara. Namun, penduduk kini berdepan dengan gangguan bekalan air yang semakin rendah.

Apakah punca masalah ini masih gagal diselesaikan dan apakah tindakan segera serta perancangan jangka panjang Kerajaan Negeri bagi memastikan bekalan air yang mencukupi dan berterusan kepada penduduk di kawasan tersebut?

21. YB ENCIK JASON NG THIEN YEONG (ASTAKA)

Sistem Pengecas Kenderaan Elektrik (EV)

1. Berapakah Jumlah unit pengecas kenderaan elektrik (EV Charger) yang telah dipasang di negeri Perak terutamanya di Daerah Manjung?

2. Apakah matlamat dan langkah-langkah Kerajaan Negeri untuk menambah bilangan pengecas EV di negeri Perak?

3. Apakah insentif-insentif Kerajaan Negeri untuk pengguna EV di negeri Perak?

22. YB ENCIK MUHAMMAD FAISAL BIN ABDUL RAHMAN (TRONG)

Berapakah jumlah ladang perternakan unggas di Dun Trong, apaka tindakan kerajaan kepada pengusaha Ladang Unggas di Dun Trong yang mencemarkan alam sekitar dan mendatangkan kacau ganggu kepada rakyat serta bilakah tarikh muktamad Kerajaan mewajibkan pelaksanaan Ladang Tertutup?

23. YB ENCIK MOHD AKMAL BIN KAMARUDIN (SELAMA)

Isu masalah air yang berlaku di sekitar DUN Selama seperti, Kampung Batu 6, Kampung Batu 3, Kampung Medan, Taman Menteri, Taman Permai, Taman Selama, dan Sekitar kawasan di atas. Sehubungan itu, terdapat beberapa persoalan yang hendak di ajukan.

a) Apakah penyelesaian jangka masa pendek daripada kerajaan Negeri untuk tangani masalah ini?

b) Apakah penyelesaian jangka masa panjang daripada kerajaan Negeri untuk tangani masalah ini?

24. YB ENCIK CHOONG SHIN HENG (CHENDERIANG)

Isu tong sampah komuniti berpusat di Pekan Chenderiang sering melimpah dan tidak diurus dengan baik sehingga menimbulkan bau busuk dan pencemaran.

a) Sila nyatakan tindakan Majlis Daerah Tapah dalam mengatasi isu ini?

b) Sila perincikan jika pihak majlis mempunyai perancangan untuk pinda tapak tong sampah komuniti di kawasan strategik yang tidak mengundang bau busuk yang kronik kepada penduduk sekitarnya?

25. YB ENCIK MUHAMMAD ZULFADLI BIN ZAINAL (SLIM)

PENJAWATAN DAN GAJI GURU KAFA.

Apakah usaha Kerajaan Negeri bagi memperjuangkan penambahbaikan status penjawatan guru KAFA serta meningkatkan kadar elaun atau gaji minimum yang lebih munasabah selaras dengan peningkatan kos sara hidup?

1. Adakah Kerajaan Negeri telah mengemukakan cadangan rasmi kepada Kerajaan Persekutuan?

2. Apakah bentuk kebajikan lain yang sedang dirancang untuk guru KAFA?

26. YB ENCIK AHMAD BIN MAN (KUALA SEPETANG)

Apakah perancangan kerajaan untuk mewujudkan tapak perniagaan yang lebih teratur dan selamat bagi menempatkan penjaja-penjaja yang kini berniaga di bahu

jalan, supaya mereka dapat menjalankan perniagaan secara sah, teratur serta tidak mengganggu aliran trafik dan keselamatan pengguna jalan raya?

27. YB PUAN SALINA BINTI SAMSUDIN (BEHRANG)

Adakah kerajaan negeri telah mengenal pasti lokasi-lokasi 'blackspot' kemalangan di DUN Behrang dan apakah pelan tindakan bagi meningkatkan tahap keselamatan di kawasan tersebut?

28. YB DATO' ZAINOL FADZI BIN PAHARUDIN (SUNGAI MANIK)

Status Pekan Kecil Sungai Manik

a) Sebelum tahun 2018, Kerajaan Negeri pernah mengumumkan cadangan pembangunan Pekan Kecil Sungai Manik di bawah PKNP dan difahamkan Pejabat Daerah juga telah mengenal pasti serta memperuntukkan tapak projek tersebut. Apakah status terkini projek berkenaan?

b) Adakah projek ini masih berada dalam perancangan PKNP, telah ditangguhkan atau dibatalkan? Jika masih diteruskan, bilakah pelaksanaannya dijangka bermula?

29. YB ENCIK ROSLI BIN ABD RAHMAN (PASIR PANJANG)

1. Mohon pihak Kerajaan jelaskan status jawatan guru-guru di Tadika Islam Perak. Adakah guru-guru lantikan Jabatan Agama Islam Perak (JAIPk) ini dikategorikan sebagai penjawat awam Negeri Perak?

2. Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk menyelaraskan elaun atau gaji guru-guru Tadika Islam Perak agar setara dengan ganjaran yang diterima oleh guru-guru Kelas Al-Quran dan Fardu Ain (KAFA)?

30. YB ENCIK GOH SEE HUA (PASIR PINJI)

Kilang Haram

1. Berapakah kilang haram yang telah diserbu dan disita dari tahun 2022 sehingga tahun 2026?

2. Apakah tindakan dan hukuman terhadap pemilik kilang haram?

3. Apakah rancangan kerajaan negeri untuk membanteras kilang haram?

31. YB ENCIK AZIZI BIN MOHAMED RIDZUWAN (LUBOK MERBAU)

Apakah mekanisme penilaian yang digunapakai oleh kerajaan terhadap keberkesanan program kebajikan sedia ada dalam memperkukuh institusi keluarga serta mengurangkan kadar kemiskinan dan kelompok rentan di Negeri Perak?

32. YB ENCIK JASON NG THIEN YEONG (ASTAKA)

Apakah usaha Kerajaan Negeri untuk membangunkan ekonomi pelancongan di Sitiawan dan Pekan Warisan Kampung Koh, sebuah destinasi pelancongan yang dikenali sebagai Little Foochow?

33. YB ENCIK TIW TEE SIANG (TRONOH)

Apakah perancangan dan halatuju kerajaan negeri bagi menyelesaikan masalah haiwan ternakan yang merayau seperti lembu dan kerbau?

Apakah bantuan yang boleh diberi oleh kerajaan negeri kepada mangsa kemalangan haiwan ternakan yang merayau seperti lembu dan kerbau?

34. YB KAPT (B) DATO' MOHD NAJMUDDIN BIN ELIAS (BATU KURAU)

Apakah status permohonan bina semula jambatan yang sudah tidak selamat di jalan utama Kg. Batu 14, Batu Kurau?

35. YB ENCIK MOHAMAD HUSAIRI BIN ARIFFIN (KENERING)

Mohon EXCO Pendidikan, Pengajian Tinggi, Belia dan Sukan Negeri Perak menyatakan status terkini projek pembinaan semula Sekolah Kebangsaan Kenering serta apakah perancangan Kerajaan Negeri bersama Kementerian Pendidikan Malaysia berhubung penempatan sementara murid-murid SK Kenering sepanjang tempoh pembinaan tersebut. Sehubungan itu, adakah Kerajaan telah membuat penilaian menyeluruh terhadap cadangan menumpangkan murid di Sekolah Kebangsaan Felda Lawin Selatan atau menggunakan bilik darjah kontena di tapak sementara, termasuk dari aspek kapasiti sekolah, keselamatan, keselesaan, akses pengangkutan, kebajikan murid dan guru, keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran, pelaksanaan aktiviti kokurikulum serta impaknya terhadap murid-murid kedua-dua sekolah, dan apakah langkah yang akan diambil bagi memastikan proses pendidikan dapat diteruskan tanpa menjejaskan kualiti pembelajaran sepanjang tempoh tersebut?